



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj. Tuan : ME/2020/07/2
Ruj. Kami : JPNJ.PS.600-11/2/1 Jld.6 (30)
Tarikh : 2/ Julai 2020

Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
2-19-01 Worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29
Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor



Tuan,

PERMOHONAN MENGADAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH UNTUK PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 6 Julai 2020 berhubung perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan kepada tuan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia melalui **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1988, melarang mana-mana pihak menjalankan aktiviti jualan terus, promosi, demonstrasi atau pameran kepada guru/kakitangan dan murid sekolah.**
3. Sebagai makluman, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih berkuatkuasa sehingga 31 Ogos 2020, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengambil cakna berhubung penularan COVID-19 dan telah membuat ketetapan bahawa aktiviti perhimpunan ramai yang mendedahkan risiko jangkitan Covid-19 masih tidak dibenarkan di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] sebagai langkah negara memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.**
4. Walau bagaimanapun tuan dibenarkan berurusan dengan Pengetua/ Guru Besar untuk **edaran maklumat** bagi tujuan perkara di atas tanpa sebarang paksaan serta tiada implikasi kewangan kepada guru dan sekolah. Kebenaran ini bukan merupakan **endorsement** Jabatan Pendidikan Negeri Johor terhadap aktiviti pihak tuan dan kebenaran boleh ditarik balik jika pihak tuan gagal mematuhi sebarang ketetapan yang diberikan.
5. Jabatan Pendidikan Negeri Johor sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian Jabatan Pendidikan Negeri Johor mencadangkan supaya penglibatan guru-guru dan murid diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ROSLI BIN MOHD OTHMAN)

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Menengah dan Tingkatan 6)
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

- s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2. Pegawai-Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor